

Tinjauan Literatur

Penglibatan Kegiatan Jenayah Warganegara Afrika di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur
(*The Involvement of African Nationals in Criminal Activities in Malaysia: A Literature Review*)

Mohd Mazdan Mohd Jamil*, Sity Daud & Aizat Khairi

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p117247@siswa.ukm.edu.my

Diserah: 13 Jun 2025

Diterima: 15 Ogos 2025

Abstrak: Isu kehadiran serta lambakan warganegara Afrika di Malaysia telah mula menjadi tumpuan di peringkat komuniti masyarakat, media massa dan pentadbiran kerajaan Malaysia. Peningkatan kehadiran warganegara Afrika di Malaysia mula mencetuskan pelbagai reaksi bukan sahaja kepada rakyat tempatan malah kerajaan Malaysia memandangkan ia mewujudkan ancaman terhadap aspek keselamatan insan serta mengganggu ketenteraman awam. Meskipun kehadiran mereka ke negara ini adalah secara sah di sisi undang-undang imigresen Malaysia, namun peningkatan jumlah warganegara Afrika di negara ini menimbulkan banyak persoalan khususnya berkaitan aktiviti serta tujuan sebenar mereka ke negara ini. Terdapat insiden di mana segelintir warganegara Afrika ini tinggal lebih tempoh visa di negara ini hingga membabitkan diri dengan pelbagai kegiatan jenayah dan tidak bermoral. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis kegiatan jenayah yang dilakukan segelintir warganegara Afrika di Malaysia melalui tinjauan literatur. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis kandungan terhadap sumber data sekunder yang merujuk kepada penerbitan buku ilmiah, tesis akademik, artikel jurnal serta kenyataan dan dokumen rasmi kerajaan yang berkaitan dengan isu ini. Konsep keselamatan insan turut digunapakai untuk menjelaskan isu yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan warganegara Afrika di Malaysia terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah antaranya adalah pelanggaran undang-undang berkaitan imigresen, jenayah berkaitan dadah, pemerdagangan manusia, gangguan ketenteraman awam serta beberapa kes-kes penipuan. Kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjutan berbentuk kajian empirikal bagi menilai faktor kehadiran serta implikasi isu ini terhadap keselamatan insan di Malaysia.

Kata Kunci: Warganegara Afrika; jenayah; pemerdagangan manusia; keselamatan insan; migrasi

Abstract: The issue of the presence and influx of African nationals in Malaysia has increasingly garnered attention among the local community, the media and the Malaysian government. The growing number of Africans in the country has sparked various reactions, not only among Malaysians but also from the authorities, as their presence is perceived as a threat to human security and public order. Although their entry into the country is legal under Malaysian immigration law, the rising number of African migrants has raised many questions, particularly regarding their actual intention and activities. There have been incidents involving certain Africans overstaying their visas, subsequently engaging in criminal and immoral activities. Therefore, this research aims to identify the types of criminal activities committed by a segment of Africans in Malaysia through literature review. This research adopts a qualitative approach and applies content analysis of secondary sources, including scholarly books, academic theses, journal articles, and government documents related to the issue. The concept of human security is applied to frame the analysis. The findings indicate that

a significant number of African nationals in Malaysia are involved in various forms of criminal activity, including immigration offences, drug-related crimes, human trafficking, public disturbances and several cases of fraud. This study recommends conducting further empirical research to examine the underlying factors contributing to the presence of Africans nationals in Malaysia and the implications of this issue on human security in the country

Keywords: African; crimes; human trafficking; human security; migration

Pengenalan

Isu kehadiran warganegara asing ke Malaysia sudah bermula sebelum kemerdekaan lagi iaitu semasa era pemerintahan kolonial British. Namun pada ketika itu, kehadiran warganegara asing ini adalah bertujuan untuk keperluan tenaga buruh khususnya dalam sektor peladangan dan pelombongan. Dasar imigrasi liberal yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kolonial British di Tanah Melayu telah membuka ruang kemasukan pekerja warganegara asing terutamanya dari China, India dan Indonesia (Rusniah et al., 2014). Menurut Ramachandran (1994), kemasukan warganegara India ke Malaysia pada era kolonial British bertujuan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh di sektor peladangan iaitu getah, kopi dan juga sektor pembinaan. Manakala warganegara China pula dibawa masuk ke Tanah Melayu pada waktu itu untuk bekerja dalam sektor pelombongan bijih timah (Nur Hafizah & Adnan, 2022).

Pada era masa kini, motif kehadiran warganegara asing ke Malaysia adalah berbeza berbanding pada era kolonial British. Perkembangan globalisasi dan kemajuan ekonomi Malaysia secara tidak langsung telah membuka lebih banyak peluang kepada proses migrasi antarabangsa. Situasi ini menjadikan negara Malaysia sebagai tumpuan warganegara asing untuk mendapatkan pekerjaan. Perkembangan dalam era globalisasi telah mengakibatkan setiap negara mengamalkan dasar terbuka dan mula menerima proses migrasi khususnya pekerja asing (Kanapathy, 2006). Majoriti warganegara asing yang bekerja di Malaysia adalah dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar, Vietnam dan sebagainya. Meskipun kehadiran warganegara asing dilihat semakin meningkat, namun kerajaan Malaysia hanya menetapkan kemasukan pekerja asing bagi sektor kerja yang meliputi kepada sektor kerja 3D iaitu *dirty* (kotor), *dangerous* (bahaya) dan *difficulty* (sukar).

Selain bermotifkan peluang pekerjaan, kehadiran warganegara asing ke Malaysia turut didorong oleh pelbagai faktor lain antaranya kestabilan, keamanan serta mendapatkan perlindungan di negara penerima (Intan Suria & Sity Daud, 2016). Malaysia juga turut menjadi tumpuan kemasukan warganegara asing bagi pelbagai tujuan lain selain pekerjaan antaranya tujuan pelancongan, pendidikan dan perniagaan. Kemasukan warganegara asing ke Malaysia pada masa kini bukan sahaja dari negara yang berjiran malah Malaysia telah mula menerima kemasukan warganegara asing dari negara timur tengah seperti Syria, Iran, Iraq dan juga benua Afrika seperti Nigeria, Ghana, Sudan dan sebagainya. Kehadiran warganegara asing dari timur tengah dan benua Afrika dilihat sesuatu yang agak janggal memandangkan kedudukan geografi negara-negara itu yang terletak jauh dari Malaysia.

Dalam konteks pelaksanaan kajian ini, kemasukan warganegara Afrika di Malaysia ini dilihat satu fenomena baru dan kehadiran mereka dilihat semakin bertambah. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kehadiran warganegara Afrika ke Malaysia yang mana majoritinya adalah bertujuan melanjutkan pelajaran dan melancong. Menurut Datuk Khairul Dzamee Daud, Ketua Pengarah Imigresen, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), majoriti warganegara Afrika yang memasuki negara ini adalah mereka yang menggunakan visa pelancong dan pelajar. Walau bagaimanapun, siasatan JIM mendapati kebanyakan warganegara Afrika telah tinggal lebih masa di negara ini dan visa mereka yang telah tamat tempoh. Perkara ini telah mula mencetuskan pelbagai reaksi dan persoalan tentang aktiviti serta tujuan sebenar mereka ke negara ini. Pembabitian segelintir mereka dalam kegiatan jenayah dan aktiviti tidak bermoral seperti pengedaran dadah dan sindiket pelacuran (Husni, 2022) di negara ini menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat tempatan memandangkan ia mewujudkan ancaman terhadap aspek keselamatan insan serta mengganggu ketenteraman awam secara umumnya.

Namun, penyelidikan berkaitan isu migrasi warganegara Afrika ke Malaysia masih terhad dan kurang dijalankan. Ini mewujudkan jurang dalam penyelidikan akademik yang ketara khususnya dalam konteks faktor kehadiran mereka serta aktiviti mereka di negara ini. Oleh itu, makalah tinjauan literatur ini bukan sahaja mengisi jurang tersebut, malah akan menjadi dorongan dalam kepelbagaian cabang kajian akademik lain khususnya dalam implikasi isu migrasi warganegara Afrika terhadap keselamatan insan di Malaysia.

Metodologi

1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan penelitian, pembacaan serta menganalisis literatur kandungan sumber data sekunder mengenai kegiatan jenayah warganegara Afrika di Malaysia dan di luar negara. Sumber sekunder merujuk kepada penelitian terhadap penerbitan buku ilmiah, tesis akademik, artikel jurnal serta kenyataan dan dokumen rasmi kerajaan yang berkaitan dengan isu ini. Sorotan literatur ini penting dalam penyelidikan memandangkan ia berfungsi sebagai asas memahami kajian dan sebagai penanda aras untuk membandingkan dapatan kajian dengan kajian terdahulu (Cresswell, 2014). Kaedah penelitian sumber sekunder ini tidak memerlukan kos yang tinggi memandangkan bahan yang dicari untuk dikaji lebih mudah didapati seperti surat khabar, dokumen rasmi kerajaan, rekod awam serta rekod-rekod penulisan rasmi yang wujud di perpustakaan atau arkib (Berg, 2004). Manakala Saunders et. al. (2016) pula berpandangan meskipun sumber sekunder ini mudah diakses dan menjimatkan masa dan kos, pengkaji perlu menilai tahap kualiti, kebolehpercayaan dan kesesuaian data maklumat yang diperolehi sebelum digunakan. Pemilihan kaedah ini membantu pengkaji membuat kesimpulan yang lebih tepat dan secara langsung mengenalpasti tema-tema utama dalam kajian ini.

2. Pengumpulan Data

Data digunakan dalam kajian ini dikumpulkan secara sistematik daripada pelbagai sumber data sekunder. Pencarian informasi melalui kata kunci yang berfokus seperti jenayah warga Afrika, kegiatan jenayah warganegara Afrika di Malaysia, isu warganegara Afrika di Malaysia dan sebagainya turut digunakan. Pengumpulan data sekunder bercetak dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan di mana bahan rujukan diperolehi dari Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM dan pusat sumber Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Manakala rujukan sumber sekunder tidak bercetak pula merujuk kepada buku elektronik, laporan akhbar serta jurnal artikel yang diperolehi secara dalam talian dengan memuat turun daripada pangkalan data seperti SCOPUS, JSTOR, Emerald dan sebagainya. Selain itu, antara jurnal yang dirujuk adalah *Africa Today*, *Journal of African Cultural Studies*, *Asian Perspective*, *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* dan sebagainya. Penulisan tesis akademik yang diperolehi daripada universiti-universiti tempatan dan luar negara juga turut dirujuk dalam melengkapkan kajian ini. Jadual 1 menunjukkan hasil daripada proses pengumpulan data ini, sebanyak 92 artikel dianalisis merangkumi 61 artikel dan jurnal yang diterbitkan sekitar tahun 1994 sehingga 2023. Manakala selebihnya adalah sumber data rasmi terbitan dokumen rasmi kerajaan dan badan-badan antarabangsa dari Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) seperti laporan tahunan, laporan UNODC dan laporan statistic.

Jadual 1. Sumber data

Kategori	Keterangan	Jumlah
Artikel jurnal	<i>e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities</i> , <i>Geografia-Malaysian Journal of Society and Space</i> , <i>Asian Perspective</i> , <i>Africa Today</i> , <i>Journal of African Cultural Studies</i> dan lain-lain	61
Sumber data tambahan	Laporan tahunan, laporan statistik, akhbar atas talian, laman rasmi kerajaan dan lain-lain	31

3. Analisis Data

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis isu penglibatan kegiatan jenayah warganegara Afrika di Malaysia. Proses analisis data dijalankan secara menyeluruh terhadap literatur sedia ada termasuk jurnal, artikel dan sebagainya untuk lebih memahami konteks objektif kajian ini. Data yang diperolehi disaring secara sistematik mengikut maklumat khusus dan isu yang dikaji. Kaedah analisis kandungan melalui kata kunci yang berfokus turut digunapakai dalam membantu pengkaji mengenalpasti tema dan isu yang akan dikaji. Pembahagian data mengikut tema dan subtema ini membolehkan kajian ini dilakukan lebih tersusun dan membantu pengkaji memahami konteks kajian dalam pelbagai dimensi berkaitan jenis-jenis aktiviti jenayah yang melibatkan warganegara Afrika di negara ini.

Hasil Kajian

1. Konsep Keselamatan Insan

Konsep keselamatan insan merujuk kepada takrifan oleh United Nations Development Program (UNDP) dalam *Human Development Report 1994* mendefinisikan keselamatan insan sebagai selamat daripada ancaman kronik seperti kelaparan, wabak penyakit dan penindasan serta perlindungan dari sebarang ancaman dan gangguan secara tiba-tiba terhadap kehidupan harian manusia sama ada di rumah, dalam pekerjaan mahupun komuniti (UNDP, 1994). Laporan tersebut turut menggariskan konsep keselamatan insan ini merangkumi tujuh dimensi iaitu keselamatan ekonomi, keselamatan kesihatan, keselamatan makanan, keselamatan alam sekitar, keselamatan personal, keselamatan komuniti dan keselamatan politik. Definisi mudah bagi memahami konsep keselamatan insan ini adalah kebebasan daripada kehendak (*freedom from want*), kebebasan daripada ketakutan (*freedom from fear*) serta kebebasan kepada generasi akan datang untuk mewarisi keamanan persekitaran yang dilakukan oleh generasi masa kini. Manakala Commission on Human Security (2003) pula mentakrifkan keselamatan insan sebagai perlindungan secara mutlak terhadap kehidupan manusia termasuklah dari aspek kebebasan dan kehendak manusia sendiri. Suruhanjaya ini turut menambah, asas utama dan teras kepada keselamatan insan ini harus berpaksikan kepada individu atau komuniti, di mana tumpuan keselamatan dialihkan daripada ancaman pencerobohan luaran kepada melindungi individu daripada sebarang ancaman.

Menurut Buzan (1983) dalam bukunya *People, States and Fear* menjelaskan keselamatan tidak hanya terbatas kepada ancaman ketenteraan terhadap negara, tetapi perlu diperluaskan kepada pelbagai sektor lain yang turut mempengaruhi keselamatan manusia dan negara. Buzan turut menggariskan keselamatan insan ini kepada lima dimensi iaitu keselamatan politik, ketenteraan, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Buzan turut menyatakan bahawa konsep keselamatan selama ini tidak meluas dengan tidak mengambil kira elemen keselamatan bukan tradisional. Oleh itu, beliau merangka satu kerangka keselamatan yang lebih luas dengan menggabungkan dimensi-dimensi yang sebelum ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada wacana keselamatan, seperti keselamatan serantau, atau sektor keselamatan sosial dan alam sekitar. Buzan juga turut memperkenalkan tiga tahap analisis keselamatan iaitu individu, negara dan sistem antarabangsa untuk memudahkan pemahaman konsep keselamatan ini. Beliau juga turut mengetengahkan konsep *securitization* yang merujuk kepada bagaimana sesuatu isu boleh dianggap sebagai ancaman keselamatan melalui tindakan pengisytiharan oleh kerajaan. Ini bermakna sesuatu isu hanya boleh dianggap ancaman keselamatan apabila ia diisytiharkan sebagai ancaman oleh kerajaan.

Pandangan ini turut disokong oleh sarjana lain seperti Wæver (1995), Baldwin (1997) dan Stone (2009) yang berpandangan pendekatan keselamatan oleh Buzan lebih holistik kerana beliau meneroka setiap elemen keselamatan secara terperinci bagi mencapai pemahaman dan kesimpulan keselamatan yang lebih menyeluruh. Justeru, konsep keselamatan insan ini adalah relevan dan penting bagi setiap negara hingga tertubuhnya Pertubuhan Jaringan Keselamatan Insan yang dianggotai oleh 13 buah negara terdiri daripada Austria, Belanda, Chile, Greece, Ireland, Jordan, Kanada, Mali, Norway, Slovenia, Switzerland, Thailand dan Afrika Selatan, di mana negara-negara ini menerapkan konsep keselamatan insan dalam penggubalan dasar-dasar kerajaan (Sity Daud & Zarina, 2005).

Namun begitu, wujudnya perdebatan para sarjana berkaitan pemahaman konsep keselamatan insan iaitu aliran luas dan aliran sempit. Aliran luas lebih memberi penekanan isu pembangunan dan keperluan asas manusia (*freedom from want & from insecurities of underdevelopment*) sebagai contoh krisis kemiskinan serta kekurangan akses kemudahan luar bandar seperti yang berlaku di Filipina dan Indonesia. Manakala aliran sempit merujuk kepada isu kekacauan atau ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara dan konflik bersenjata (*freedom from fear from political violence*) sebagai contoh konflik di Selatan Thailand dan penindasan politik di Myanmar. Konsep keselamatan insan tafsiran UNDP ini terlalu luas dan sukar difahami memandangkan wujudnya perbezaan demografi dan geopolitik sesebuah negara dan ia perlu disesuaikan dengan keadaan negara tersebut, sebagai contoh pemahaman konsep keselamatan insan di negara barat cenderung menyokong demokrasi liberal individu yang berbeza dengan budaya serta konsep kerjasama keselamatan di rantau asia. Di Asia Tenggara seumpamanya, konsep keselamatan insan ini digunakan dalam isu-isu seperti pemerdagangan manusia, pelarian, dan keselamatan alam sekitar (Caballero-Anthony, 2004).

Justeru, dalam mencari hubungkait dan persamaan pemahaman konsep keselamatan insan di rantau asia, para sarjana tempatan telah membangunkan BAGHUS (*The Bangi Approach to Human Security and Peace*) sebagai aliran pemahaman baru konsep keselamatan insan yang lebih sesuai dipraktikkan di Asia Tenggara. Konsep BAGHUS ini turut menekankan tujuh aspek keselamatan insan yang diperkenalkan UNDP berserta tambahan keselamatan sosial dan budaya yang lebih sesuai dengan keperluan demografi dan geopolitik di Asia Tenggara (Rashila et al., 2012). Konsep BAGHUS ini mengaitkan keselamatan peribadi individu dengan keselamatan masyarakat yang turut dipengaruhi dengan elemen agama serta budaya dalam kehidupan seharian. Pendekatan BAGHUS ini sekaligus menjadikan konsep keselamatan insan yang lebih dinamik dengan sembilan dimensi iaitu keselamatan sosial, keselamatan makanan, keselamatan ekonomi, keselamatan kesihatan, keselamatan alam sekitar, keselamatan politik, keselamatan budaya, keselamatan personal dan keselamatan komuniti.

2. Kegiatan Jenayah Warganegara Afrika di Luar Negara Dan Malaysia

Berdasarkan sorotan literatur, terdapat beberapa penulisan artikel serta penyelidikan oleh para sarjana terdahulu berkaitan isu serta situasi di benua Afrika, faktor migrasi warganegara Afrika serta kegiatan jenayah rentas sempadan membabitkan warganegara Afrika secara umumnya. Ketidakstabilan politik dan ketidaksamarataan sosioekonomi di kebanyakan negara di benua Afrika dilihat sebagai antara punca kepada peningkatan jenayah dan korupsi (Jean Bayart, 1993). Pandangan ini disokong Collier (2007) yang menyatakan keadaan negara-negara benua Afrika yang mengalami kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi yang rendah akan mendorong kepada konflik bersenjata, jenayah rentas sempadan dan ketidakstabilan sosial.

Situasi dan keadaan di benua Afrika ini turut diulas dalam laporan UN Secretary-General (2004) yang menyatakan negara-negara Afrika sering terkait dengan pelbagai jenayah rentas sempadan seperti pengedaran dan penyeludupan senjata api, penyeludupan manusia, pencabulan hak asasi wanita serta kanak-kanak dan penggunaan kanak-kanak sebagai tentera paksa. Laporan tersebut selari dengan kenyataan United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) yang menyenaraikan sebanyak 419 jenis kegiatan jenayah terancang yang berlaku di sekitar benua Afrika seperti pengedaran dadah dan senjata, penyeludupan manusia serta barangan, penggubahan wang haram dan sebagainya. Kenyataan ini disokong Carling (2017) yang menyatakan bahawa kehadiran warganegara Afrika di benua Eropah dan Asia membuka peluang kepada sindiket jenayah terancang rentas sempadan. Kwesi Aning et. al. (2021) dalam artikel *West Africa security perspectives: Kwesi Aning explains* mendakwa kebanyakan negara Afrika seperti Côte d'Ivoire, Ghana, Nigeria, Somalia, Senegal dan Sierra Leone amat terdedah dengan kegiatan jenayah seperti pemerdagangan manusia, pengedaran dadah dan senjata, penipuan siber dan sebagainya.

Jenayah Berkaitan Dadah dan Narkotik

Pengedaran dadah dan narkotik merupakan kegiatan jenayah yang paling sinonim dengan warganegara Afrika. Menurut Pape (2005), negara Afrika seperti Ghana, Cape Verde dan Niger adalah antara negara yang kerap dikaitkan dengan kegiatan pengedaran dadah khususnya untuk pasaran eropah. Tambahan beliau, pada tahun 2005 sahaja beberapa insiden cubaan menyeludup dadah berjaya dipatahkan oleh pihak berkuasa, antara

insiden tersebut adalah melibatkan dadah jenis kokain seberat hampir 3,000 kilogram dengan menggunakan kontena kapal di Sepanyol. Di samping itu, terdapat juga insiden tangkapan penyeludup dadah yang didalangi warganegara Afrika di merata eropah. Ini berikutan penahanan seramai 1,171 warganegara Afrika dari Nigeria dan Guinea-Bissau atas kesalahan pengedaran dadah di benua eropah. Isu pengedaran dadah oleh warganegara Afrika ini turut diulas oleh Ahmad Latif & Mala (2017) yang menyatakan terdapat segelintir pelajar warganegara Afrika yang terlibat dengan kes pengedaran dadah dan termasuk pelbagai kesalahan yang melanggar peraturan dan undang-undang Malaysia. Pelbagai taktik pengedaran serta penyeludupan dadah ke Malaysia oleh segelintir pelajar warganegara Afrika dikesan antaranya termasuklah menyembunyikan dalam begasi, dalam tapak kasut dan ada dadah yang turut diubahsuai menjadi makanan atau buah-buahan untuk mengaburi mata pihak berkuasa (Ahmad Latif & Mala, 2017).

Menurut Sotande (2016) dalam *Transnational Organised Crime and Illicit Financial Flows: Nigeria, West Africa and the Global North* mendakwa wujud insiden segolongan pelajar warganegara Afrika dari Nigeria, Ghana dan Senegal yang diberi upah untuk menjadi 'keldai dadah' dengan menyeludup masuk dadah ke Malaysia. Dakwaan Sotande disokong oleh Owoyemi (2015) yang mendakwa kehadiran warganegara Afrika ke Malaysia menimbulkan kebimbangan rakyat tempatan memandangkan penglibatan segelintir mereka dalam kes pemerdagangan manusia dan pengedaran dadah. Isu pengedaran dadah di peringkat antarabangsa yang melibatkan warganegara Afrika ini turut diulas oleh beberapa sarjana lain seperti Shaw & Reitano (2013), Stephen Ellis (2022), Kwesi Aning (2021) dan Muhaymin (2023) yang melihat benua Afrika menjadi antara lokasi transit penting untuk pengedaran dadah di Eropah, Asia dan Amerika Syarikat.

Penyalahgunaan Visa dan Pemerdagangan Manusia

Kehadiran warganegara Afrika ke negara-negara lain terutamanya ke benua Eropah dan Asia tidak dilihat sebagai satu kesalahan memandangkan kemasukan mereka itu melalui cara yang sah di sisi undang-undang. Segelintir warganegara Afrika ini memasuki negara-negara lain dengan menggunakan visa pelancong atau pelajar. Namun, kehadiran mereka yang kian meningkat menimbulkan pelbagai persoalan kepada negara penerima lebih-lebih lagi apabila mereka tinggal lebih masa dan tidak pulang ke negara asal mereka. Lebih membimbangkan apabila warganegara Afrika ini mula melibatkan diri dengan pelbagai kegiatan jenayah di negara penerima. De Hass (2007) berpandangan majoriti warganegara Afrika memasuki eropah dengan menggunakan visa yang sah. Namun, mereka kemudiannya tinggal melebihi tempoh visa mereka termasuklah bekerja secara haram di sana.

Isu penyalahgunaan visa dan tinggal lebih tempoh oleh warganegara Afrika di eropah ini turut diulas oleh sarjana-sarjana lain seperti Coslovi (2007) dan Schoorl et al. (2000) yang menyatakan sebilangan migran warganegara Senegal dan Ghana telah memasuki Sepanyol dan Italy secara sah dan telah tinggal lebih tempoh visa mereka sehingga gagal dikesan oleh pihak berkuasa. Pandangan-pandangan sarjana ini selari dengan laporan yang dikeluarkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) yang menyatakan terdapat isu dimana warganegara Afrika yang memasuki eropah dengan menggunakan visa pelajar dan akhirnya tinggal lebih masa hingga gagal dikesan oleh pihak berkuasa. Meskipun begitu, terdapat segelintir daripada mereka yang memasuki eropah sebagai pelajar yang sah, tetapi menghadapi bebanan kos pengajian serta sara hidup yang tinggi hingga mengakibatkan mereka berhenti belajar dan mula terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral dan jenayah (OECD, 2006).

Menurut Abadi (2019), kehadiran pelarian dan pencari suaka warganegara Afrika ke eropah menjadikan dilema keselamatan kepada masyarakat eropah secara umumnya. Ini disebabkan kehadiran mereka ini dilihat banyak terlibat dengan isu masalah sosial dan kegiatan jenayah antaranya kes pembunuhan, jenayah rompak dan samun, pelacuran dan sebagainya. Isu ini dilihat turut berlaku di kem-kem pelarian dan tahanan sementara. Kenyataan ini turut disokong oleh Miller (2018) yang turut mendakwa meningkatnya masalah sosial di kem-kem pelarian dan tahanan sementara yang menempatkan warganegara Afrika ini akibat daripada kegiatan pelacuran, mabuk akibat alkohol, pergaduhan, perjudian dan lain-lain. Isu-isu ini akan menjadi tekanan serta memberi kesan kepada kesihatan mental masyarakat di eropah dalam jangka masa panjang khususnya kepada negara penerima. Isu penyalahgunaan visa pelajar oleh warganegara Afrika turut dialami di Malaysia sehingga ada segelintir mereka ini turut terlibat dengan kes pengedaran dadah, penipuan,

pelacuran dan gangguan ketenteraman awam (Sotande, 2016). Ini turut disokong Chin (2013) yang menjelaskan bahawa Malaysia merupakan negara destinasi bagi wanita dari negara-negara seperti Uganda, Nigeria, dan Cameroon yang diperdagangkan untuk industri seks. Mereka sering diperdaya dengan tawaran pekerjaan sah tetapi akhirnya terperangkap dalam jaringan pemerdagangan.

Jenayah Penipuan Siber

Jenayah penipuan siber atau penipuan cinta siber turut dikaitkan dengan warganegara Afrika. Menurut Smith (2008) terdapat konsep penipuan internet yang didalangi warganegara Nigeria yang modus operandinya memperdayakan mangsa dengan menghantar surat atau e-mel palsu yang menjanjikan mangsa ganjaran kewangan besar, tetapi hanya jika mereka terlebih dahulu membayar sejumlah "yuran proses". Menurut Zulkufli Ismail dan Azmi Aziz (2019), Malaysia adalah merupakan antara negara yang turut menjadi pusat sindiket jenayah cinta siber dan penipuan siber antarabangsa. Sindiket yang didalangi warganegara Afrika terutamanya dari Nigeria telah mengakibatkan kerugian jutaan ringgit. Kenyataan ini selari dengan penulisan Azianura Hani et al. (2018) yang menyatakan bahawa jenayah penipuan cinta siber ini dianggap prolifik berdasarkan aspek kekerapan berlakunya jenayah ini di Malaysia.

Di Malaysia, penjenayah cinta siber warganegara Afrika ini kebiasaannya digelar dengan gelaran Awang Hitam. Sindiket penipuan siber ini mempunyai template khusus dengan penggunaan bahasa persuasif yang terancang dalam e-mel penipuan, yang mampu mengeksploitasi nilai moral, agama, dan emosi mangsa (Chiluwa, 2010). Sundramoorthy (2011) pula menyatakan bahawa penjenayah siber sememangnya berkemahiran serta berpengetahuan tinggi dalam bidang teknologi maklumat serta bersedia dengan template emel yang terorganisasi dalam menjalankan modus operandi jenayah penipuan siber ini. Kepakaran yang dimiliki segelintir warganegara Afrika dalam memperdayakan mangsa sangat berkesan serta licik memandangkan mereka telah mengkaji serta mempunyai maklumat tentang bentuk rutin serta sifat kelaziman rakyat Malaysia, sistem perbankan serta sistem perundangan di negara ini untuk menjalankan jenayah penipuan sekaligus berpeluang mendapatkan visa pelajar untuk masuk ke negara ini. Ini selari dengan kajian oleh Tade & Aliyu (2011) yang mendakwa Nigeria adalah pusat utama penipuan internet global, di mana Lagos dijadikan hab bagi operasi sindiket penipuan dalam talian.

Sun (2022) pula menyatakan bahawa kegiatan jenayah penipuan *Love Scam* dilakukan oleh segelintir warganegara Afrika ini telah memperdayakan mangsa yang bukan sahaja di Malaysia, malah turut melibatkan mangsa dari Singapura dan Australia. Kajian Rohaizad dan Aisyah (2020) pula mendapati aktiviti pengubahan wang haram meliputi pelbagai cara atau modus operandi iaitu termasuklah *Macau Scam*, penipuan internet, *Love Scam*, *Holiday Booking Scam* dan judi online adalah cabang jenayah siber yang memerangkap mangsa. Kegiatan penipuan dalam talian ini adalah antara cabang kegiatan pengubahan wang haram yang sering berlaku di benua Afrika. Ini berikutan sumber kewangan yang diraih daripada aktiviti penipuan ini turut dikaitkan dengan pelbagai kegiatan jenayah lain seperti pengedaran dadah antarabangsa dan kegiatan jenayah lain.

Manakala Buchanan dan Grant (2001) menyatakan bahawa Nigeria adalah negara yang mendominasi jenayah penipuan secara terancang dan sindiket ini sangat besar pengaruhnya di benua Afrika. Jenayah penipuan yang amat sinonim dari Nigeria ini antaranya termasuklah *Black Money Scheme*, *access device fraud*, *identity theft and credit card fraud*, *bank fraud* dan sebagainya. Mereka menyifatkan bahawa jenayah penipuan yang dilakukan oleh segelintir warganegara Nigeria ini sangat 'cemerlang' hingga mengakibatkan kerugian berjuta – juta dollar setiap tahun di seluruh dunia. Moshi (2007) pula berhujah kegiatan penipuan yang didalangi warganegara Afrika ini mempunyai kaitan signifikan dengan pengubahan wang haram. Ini berikutan wang hasil kegiatan jenayah rentas sempadan ini disalurkan kepada organisasi pengganas yang berpangkalan di benua Afrika. Hasil daripada kegiatan pengubahan wang haram di Afrika dijana berdasarkan aktiviti-aktiviti seperti jenayah terancang, penculikan, rasuah dan korupsi, kegiatan penipuan dan penyeludupan. Kebiasaannya, kumpulan penjenayah akan menyembunyikan dana mereka dengan memindahkannya ke dalam sistem kewangan dalam negara dan antarabangsa. Sistem kewangan antarabangsa yang kompleks dan rumit boleh disalahgunakan untuk tujuan menyalurkan dana tersebut untuk membiayai kegiatan kumpulan pengganas. Ini selari dengan penulisan De Boyrie et al. (2005) dan Ndikumana dan Boyce

(2011) yang menyatakan sebahagian ekonomi benua Afrika yang beroperasi secara informal tanpa pengawasan kewangan, memudahkan aliran dana haram diserap ke dalam sistem ekonomi sah sekaligus menyukarkan pengesanan sumber wang haram dan pelaku. Dana daripada kegiatan haram ini akan melalui pusat kewangan luar pesisir seperti British Virgin Islands, Mauritius, dan Switzerland serta dibantu institusi kewangan global dan juruaudit profesional (Sharman, 2010). Kenyataan ini selari dengan laporan kajian *Global Witness* (2017) yang menyatakan hasil daripada perlombongan haram dan eksport mineral bernilai hampir USD750 juta dari Congo digubah melalui syarikat palsu dan akaun luar pesisir, dengan kerjasama bank dan pihak berkepentingan antarabangsa.

Penyeludupan Senjata Api

Selain daripada jenayah pengedaran dadah dan penyeludupan manusia, benua Afrika juga turut sinonim dengan kegiatan penyeludupan senjata api. Ini berikutan pergolakan yang sering berlaku di benua Afrika menyebabkan penyeludupan dan pengedaran senjata api sering dan kerap berlaku di kalangan negara di benua Afrika. Menurut Spear (2006), ketidakstabilan politik, kelemahan institusi penguatkuasaan undang-undang, dan permintaan tinggi daripada kumpulan pemberontak serta penjenayah bersenjata turut menyumbang kepada berlakunya penyeludupan senjata. Kenyataan ini turut disokong oleh Florquin dan Berman (2005) yang mendakwa benua Afrika dibanjiri senjata api kecil yang diperolehi daripada lebihan pasca perang dingin dan konflik domestik, senjata-senjata ini mudah diseludup akibat kawalan sempadan yang longgar.

Addo (2006) pula menyatakan kegiatan penyeludupan senjata api di benua Afrika ini berlaku berikutan permintaan yang tinggi daripada kumpulan-kumpulan bersenjata, pemberontak serta penjenayah. Negara bergolak serta terlibat dalam kancah perang saudara seperti Liberia, Sierra Leone dan Sudan menjadi lokasi utama pengedaran serta penyeludupan kepada senjata api di benua Afrika. Kwadwo (2005) dan Serrano (2012) turut mengulas menyatakan kebanyakan senjata-senjata ini dikitar semula dikalangan negara-negara yang terlibat dengan kancah peperangan serta mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran gelap seperti Guinea, Liberia, Sierra Leone, wilayah Casamance di Senegal, utara Ghana, utara Nigeria, Guinea Bissau dan Sudan. Ini menunjukkan bahawa senjata api di benua Afrika selalunya diseludup melalui jaringan rentas sempadan yang melibatkan pelbagai aktor seperti pedagang senjata haram, militia, pemberontak dan pegawai kerajaan yang korup. Laluan darat di sepanjang wilayah Sahel seperti di Rajah 1, dikenalpasti sebagai koridor utama penyeludupan dan pengedaran senjata api di benua Afrika (UNODC, 2010). Namun dalam konteks Malaysia, UNODC (2013) mendapati sindiket dadah dari Afrika yang beroperasi di Asia Tenggara sering berkait rapat dengan pemilikan senjata api secara haram, terutamanya untuk tujuan perlindungan diri atau sindiket rangkaian jenayah. Meskipun Malaysia bukan pusat utama perdagangan senjata, namun kes berkaitan jenayah senjata api seperti rompak bersenjata telah mula dikesan dan dikenal pasti di negara ini.



Rajah 1. Wilayah Sahel (warna jingga)
Sumber : Adaptasi dari Azam (1999)

Perbincangan

Berdasarkan analisis sorotan literatur dan konteks kajian terhadap Malaysia, terdapat persamaan dari aspek kegiatan jenayah yang melibatkan warganegara Afrika di Malaysia dan di luar negara. Misalnya kajian mendapati warganegara Afrika memasuki negara ini menggunakan visa pelancong dan pas pelajar yang sah di sisi undang-undang. Namun, terdapat insiden di mana mereka tinggal lebih tempoh atau secara haram selepas visa mereka tamat di negara ini. Disebabkan itu, wujud persoalan mengenai tujuan sebenar mereka memasuki ke negara ini apabila berlakunya beberapa insiden penglibatan mereka dalam pelbagai kegiatan jenayah. Lebih mengejutkan apabila majoriti daripada warganegara Afrika yang terlibat dengan kegiatan jenayah di negara ini adalah merupakan pemegang visa pelajar yang sah. Perkara ini selari dengan kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis di Raja Malaysia (PDRM) dalam akhbar BERNAMA bertarikh 21 Mac 2016 yang menyatakan bahawa kebanyakan warganegara Afrika terutamanya dari Nigeria memasuki negara ini dengan menggunakan visa pelajar, namun ada segelintir mereka hanya menggunakan visa pelajar tersebut sebagai alat untuk masuk ke negara ini secara sah. Ini turut disokong oleh kenyataan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam akhbar *The Star* pada 18 Mac 2014 yang menyatakan kebimbangan kerajaan berhubung kadar jenayah yang melibatkan pelajar warganegara Nigeria di Malaysia kian meningkat. Menurut beliau, statistik menunjukkan lebih 400 kes melibatkan pelajar warganegara Nigeria di negara ini antaranya tinggal tanpa permit yang sah, kes jenayah komersial dan kes berkaitan narkotik.

Kegiatan penipuan yang membabitkan warganegara Afrika juga turut berlaku di Malaysia. Kegiatan penipuan ini termasuklah penipuan internet, *love scam*, *black money*, pengiriman hadiah wasiat dan pelbagai bentuk skim penipuan dan sebagainya. Menurut Pegawai Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dalam akhbar KOSMO pada 24 Jun 2014, sebanyak 1,095 kes dicatatkan pada tahun 2013 dan hampir 100 peratus kes membabitkan warganegara Afrika dan melibatkan kerugian lebih RM35.7 juta gara-gara terjerat dengan cinta siber. Menurutnyanya, mengikut statistik PDRM, kes penipuan cinta siber meningkat 34 peratus pada tahun 2013 iaitu sebanyak 1,095 kes berbanding 814 kes pada 2012. Dakwaan ini disokong dengan laporan akhbar BERNAMA pada 12 April 2013 berkaitan penahanan sekumpulan warganegara Afrika yang disyaki mencuri maklumat perbankan menerusi capaian internet serta memperdaya pemilik akaun bank hingga tertangkapnya lima orang lelaki serta seorang wanita tempatan yang dipercayai dijadikan 'keldai akaun'. Kesemua warganegara Afrika yang ditahan adalah berusia antara 25 hingga 35 tahun. Mereka didapati memasuki Malaysia sebagai pelajar dan menuntut di institusi pengajian tinggi swasta di Kuala Lumpur dan Melaka. Harian Metro pada 13 November 2014 turut melaporkan kegiatan jenayah penipuan *black money*, pengiriman hadiah wasiat dan pelbagai bentuk skim penipuan dalam talian yang membabitkan warganegara Afrika. Penjenayah warganegara Afrika ini yang memasuki Malaysia menggunakan pas pelajar dikesan turut aktif memperdaya dan cuba mengikis wang wanita tempatan.

